

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,
PENGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL
RAHMAN (KUALA KRAI)**

TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan peratusan peniaga industri kecil dan sederhana yang berjaya meneroka pasaran antarabangsa dan apakah sasaran serta persiapan yang dilakukan oleh pihak Kementerian selepas selesai isu COVID-19 bagi meningkatkan kapasiti peniaga IKS ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pada tahun 2019, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia telah berjaya menyumbang sebanyak **17.9%** (RM 176.3 billion) kepada jumlah eksport barang dan perkhidmatan di pasaran antarabangsa.

2. Bagi menentukan agar sektor PKS akan terus menyumbang kepada ekonomi negara selepas isu pandemik Covid-19 ini, pelbagai usaha/inisiatif telah dan sedang diambil oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan kapasiti golongan PKS tempatan adalah seperti berikut, antaranya:

i. Program *Best Exporter* (BEP) oleh SME Bank

- Sebanyak **73 syarikat** (2016-2019) telah mendaftar dan **55 syarikat** mencatat nilai tambahan dalam jualan eksport dengan peningkatan bernilai **RM141.4 juta** dan menghasilkan **19 syarikat** eksport yang baharu.

ii. Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) oleh SME Corp

- Sejak tahun 2016 sehingga kini, sejumlah **75 permohonan** telah **diluluskan** dengan nilai geran dan pinjaman berjumlah **RM45.87 juta**

iii. *Going Export Programme* (Go-Ex) oleh SME Corp

- Sejak tahun 2014 sehingga kini, sejumlah **287 permohonan** telah **diluluskan** dengan nilai potensi jualan sebanyak **RM623 juta**.

3. Selain itu, kementerian lain yang turut membantu dalam meningkatkan kapasiti peniaga IKS adalah **Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)** melalui **Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)** telah merangka pelbagai program promosi eksport dan pembangunan pengeksport untuk membimbing usahawan PKS ke pasaran antarabangsa. Antara program

promosi yang dianjurkan oleh MATRADE untuk membantu PKS menerokai pasaran eksport adalah seperti berikut:

- i. Pameran Perdagangan Luar Negara;
- ii. Misi Akselerasi Eksport;
- iii. Misi Perdagangan, Pelaburan dan Perniagaan;
- iv. Program Penyumberan Antarabangsa (pembeli luar negara mendapatkan produk daripada Malaysia); dan
- v. Program anjuran MATRADE seperti *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS).

4. MATRADE juga melaksanakan program pembangunan pengeksport seperti berikut, antaranya:

- i. Penganjuran bengkel dan seminar
- ii. Program *e-Trade*
- iii. Geran Pembangunan Pasaran (*MDG-Market Development Grant*)
- iv. Dana Eksport Perkhidmatan (*SEF-Services Export Fund*)
- v. Program Pembangunan Pengeksport untuk PKS milikan Bumiputera, Wanita dan Belia (*BWYEDP*)
- vi. Aplikasi MyExport, MATRADE.

5. Oleh yang demikian, inisiatif-inisiatif ini diharap akan dapat membantu PKS untuk kekal berdaya tahan dan berdaya saing bagi membantu merencanakan semula pertumbuhan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.